

## FORCE 136

Force 136 ialah nama kod yang diberi kepada satu pasukan khas gerakan bawah tanah yang ditubuhkan semasa Perang Dunia Kedua berpusat di Ceylon (Sri Lanka) dan India.

Nama Force 136 hanya digunakan kira-kira pada bulan April 1944.

Force 136 berada di bawah satu organisasi yang lebih besar yang dikenali sebagai Special Operation Executive (SOE).

Pegawai pemerintah Force 136 ialah Colin Mackenzie. Pada asalnya, Force 136 berpusat di Meerut, India, sebelum dipindahkan ke New Delhi dan kemudiannya ke Kandy, Ceylon.

Southeast Asia Command (SEAC) yang diterajui oleh Lord Mountbatten untuk menentang Jepun di Asia Tenggara.

Force 136 naungan SEAC dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu A, B dan C.

Kumpulan A meliputi negeri Thailand dan Burma; Kumpulan B meliputi Tanah Melayu, Singapura dan Indonesia, manakala Kumpulan C meliputi Indochina dan China.

Setiap kumpulan dibahagikan pula kepada negara masing-masing (Country Section). Tanah Melayu dikenali sebagai Force 136 Malayan Country.

Tokoh yang paling awal menganggotai Force 136 Malayan Country ialah Richard Broome (bekas pegawai Malayan Civil Service) dan John Davis (bekas pegawai polis di Tanah Melayu). Orang Melayu yang menganggotai Force 136 Malayan Country ialah Tengku Mahmood Mahyiddeen yang diberikan tugas untuk memimpin kumpulan Melayu semasa di India dan Ceylon.

Pada tahun 1943–1944, Tengku Mahmood Mahyiddeen giat melawat beberapa tempat di India dan di luar India seperti Mekah, Jeddah dan juga London untuk mengambil anak-anak Melayu menganggotai pasukan sukarelawan Force 136.

Pasukan Force 136 bekerjasama dengan MPAJA (yang mendapat bantuan senjata daripada Tentera Bersekutu), Pasukan Askar Melayu Setia dan Pasukan Wataniah dalam usaha untuk mengusir tentera Jepun dari Tanah Melayu.

Menurut Prosedur Operasi Standard untuk memudahkan SOE menembusi Tanah Melayu, mereka memerlukan pegawai Force 136 yang terdiri daripada anak watan yang bekerja secara sukarela, bersikap patriotisme dan tidak takut mati kerana misi mereka berbahaya.